

05/08/1999

Anggota kesal sikap parti pembangkang

KUALA LUMPUR, Rabu - Pelancaran Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendapat sokongan dan persetujuan banyak pihak terutamanya sebagai persediaan untuk negara menghadapi cabaran menjelang alaf baru akan datang.

Kebanyakan anggota Mapen II yang ditemui turut menyuarakan rasa terkilannya berikutan keengganan beberapa pihak terutama parti pembangkang daripada menyertai majlis itu.

Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman yang mewakili Umno berkata, Mapen II akan memberikan perancangan kerja untuk menguatkan diri dengan keyakinan anak bangsa bukan sahaja menghadapi persaingan dalam negara tetapi juga di peringkat global.

Beliau berkata, parti pembangkang sepatutnya menyertai Mapen II untuk menyumbangkan tenaga dan fikiran bagi mewujudkan perancangan untuk pembangunan negara.

"Kita sedih kerana pembangkang tidak menyertai (Mapen II) kerana ini bukan isu politik, tetapi adalah usaha menjaga maruah dan martabat bangsa dan semua pihak harus memainkan peranan," katanya.

Bekas Menteri Luar Tengku Ahmad Rithauddeen Ismail yang turut menganggotai Mapen II berkata: "Sebagai ahli Mapen II, saya akan berbuat apa saja yang perlu dalam mesyuarat ini sebagai satu sumbangan kepada negara dan majlis ini boleh dijadikan landasan membincangkan perkara yang dijangka timbul pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu seorang anggota pembangkang dari Parti Bersatu Sabah (PBS) yang turut menganggotai Mapen II, Dr Maximus Johnity Ongkili berkata, penyertaanya dalam majlis itu adalah sumbangan PBS kepada pembangunan negara.

Katanya: "Kita boleh berikan sumbangan secara positif dengan menggunakan saluran yang sesuai untuk menyuarakan pandangan dan kritikan yang membina dan kita berharap pandangan PBS turut diterima Mapen II."

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) N Siva Subramaniam berkata, Cuepacs akan menggunakan peluang dalam Mapen II untuk mengemukakan pelbagai cadangan serta membangkitkan isu-isu kakitangan kerajaan.

Presiden Persatuan Pemaaju Perumahan Datuk Eddy Chen berkata, beliau akan menggunakan peluang itu untuk menyuarakan isu-isu perumahan terutamanya masalah kekurangan rumah kos rendah.

"Mapen II ini adalah lanjutan dari Mapen I jadi, setiap kementerian dalam kerajaan memang berharap agar ia mampu memulihkan ekonomi dan kami semua akan memberi sokongan yang penuh," kata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob ketika ditemui selepas majlis pelancaran.

Mengulas mengenai ketidakhadiran pembangkang dalam persidangan Mapen kali ini, Khalil berkata pembangkang hanya melihat persidangan ini dari sudut politik sahaja. Mereka seolah-olah mengabaikan peranan mereka dari segi kemajuan negara, katanya lagi.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengulas isu yang sama pula berkata Mapen II mengambil kira kepentingan semua kaum serta kelompok masyarakat yang mungkin memerlukan penelitian yang khusus supaya tidak ada satu golongan pun yang merasakan dirinya tersisih ataupun tidak mendapat pembelaan melalui dasar-dasar yang dilaksanakan dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang ini.